

## KERATAN AKHBAR

JUDUL : TVS

TARIKH : 8 Disember 2022

SITASI :

M/S : -

“Sarawak contoh perpaduan terbaik negara – Aron”, TVS, 8 Disember 2022

<https://tvstv.my/2022/12/08/sarawak-contoh-perpaduan-terbaik-negara-aaron/>

Di akses pada 10 Disember 2022



Menteri Perpaduan Negara Datuk Aaron Ago Dagang.

## Sarawak contoh perpaduan terbaik negara – Aaron

KUCHING, 8 Dis: Semangat perpaduan serta toleransi antara masyarakat berbilang kaum di Sarawak merupakan contoh terbaik yang boleh diikuti negeri lain.

Menteri Perpaduan Negara Datuk Aaron Ago Dagang berkata semangat hidup secara harmoni itu juga penting ketika negara kini mempunyai kerajaan yang berasaskan perpaduan.

“Kita di Sarawak tidak mempunyai masalah perpaduan di sini. Kami hidup dalam suasana harmoni di sini.

“Diharapkan apa yang kita amalkan di sini dapat diikuti negeri lain di Malaysia,” katanya ketika ditemui pemberita di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching di sini, hari ini.

Sementara itu, Aaron berkata Perpustakaan Negara Malaysia (PNM), Jabatan Muzium Malaysia (JMM) dan Arkib Negara yang sebelum ini berada di bawah Kementerian Pelancongan kini diletakkan di bawah kementeriannya.

Pada 2 Dis lepas, Aaron yang merupakan Ahli Parlimen Kanowit sejak 2004 telah dilantik dalam barisan Kabinet Kerajaan Perpaduan yang diumumkan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Beliau sebelum ini menyandang jawatan Timbalan Menteri Kesihatan II dari 2020 sehingga 2022 di bawah dua perdana menteri iaitu Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob. – TVS